

POLISI MELAWAT UNTUK MELAWAT DAN MENEMANI PESAKIT DI HOSPITAL MENGIKUT NORMA BAHARU

1.0 PENGENALAN

Polisi melawat dan peneman diperkenalkan sejajar dengan konsep pembudayaan norma baharu dalam mengawal penularan wabak.

lanya ini merangkumi:

- i) Polisi Melawat Pesakit
- ii) Polisi Peneman Pesakit

2.0 OBJEKTIF

2.1 Memberi pengetahuan dan panduan kepada anggota dan masyarakat berkaitan peraturan norma baharu di hospital.

2.2 Mengurangkan risiko penularan wabak serta memutuskan rantai jangkitan secara berterusan berdasarkan Polisi Kawalan Penyakit Berjangkit.

2.3 Memudahkan pihak keselamatan membuat pemantauan dan mengawal pelawat yang datang ke hospital.

2.4 Menjaga keselamatan anggota hospital, pesakit serta orang awam semasa berada di dalam kawasan hospital.

3.0 POLISI MELAWAT DAN PENEMAN DALAM KEADAAN KAWALAN WABAK PENYAKIT BERJANGKIT

3.1 Polisi melawat dan peneman semasa wabak penyakit tertakluk kepada arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.2 Pelawat dan peneman pesakit mestilah mendapat kebenaran mengikut polisi hospital.

3.3 Pelawat dan peneman hanya dibenarkan bagi kes kecemasan, kes kritikal dan keadaan yang memerlukan dengan keizinan Ketua Jururawat / Jururawat yang menjaga (Team Leader) dan pakar yang menjaga.

3.4 Semakan terhadap garis panduan akan dilakukan dari semasa ke semasa dan sebarang perubahan adalah tertakluk kepada situasi semasa wabak.

3.5 Informasi keadaan pesakit hanya akan dimaklumkan oleh Pegawai Perubatan kepada seorang waris terdekat yang dipersetujui oleh pesakit jika pesakit sedar (Nama waris yang mesti dinyatakan dalam borang kemasukan wad). Sekiranya pesakit tidak sedar, informasi diberi kepada seorang waris terdekat dan perlu didokumenkan.

3.6 Pelawat atau peneman tidak dibenarkan merakam suara, mengambil gambar atau video anggota bertugas, pesakit lain dan suasana di dalam wad kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan hospital.

3.7 Semasa prosedur perawatan dijalankan pelawat atau peneman tidak dibenarkan berada disamping pesakit.

3.8 Pelawat dan peneman perlu sentiasa mengamalkan norma baharu iaitu sentiasa mematuhi SOP bagi mengekang penularan wabak dengan lebih berkesan :

Sentiasa mengamalkan 3W iaitu:

- i) Cuci (Wash) iaitu cuci tangan dengan sabun dan hand sanitizer
- ii) Pakai (Wear) iaitu pakai pelitup muka
- iii) Amaran, (Warn) iaitu jaga penjarakan fizikal

Mengelakkan 3C/3S iaitu

- i) Crowded/tempat yang sesak
- ii) Confined / tempat yang sempit dan tertutup
- iii) Close / sembang atau bercakap dengan jarak dekat

3.9 Pelawat dan peneman TIDAK DIBENARKAN bagi kes Covid - 19

4.0 POLISI MELAWAT DI HOSPITAL

4.1 Waktu melawat di hospital adalah seperti berikut:

WAKTU MELAWAT:

- i) Pukul 12.30 tengahari hingga 2.00 petang
- ii) Pukul 4.30 petang hingga 7.00 petang

4.2 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan melawat.

4.3 Pelawat perlu mengikut laluan khas yang ditetapkan.

4.4 Kriteria pelawat:

4.4.1 Telah lengkap vaksinasi.

4.4.2 Perlu melengkapkan saringan status kesihatan. Seperti yang tertera dalam mySejahtera (COVID - 19 Status) atau lain-lain. Pelawat hendaklah bebas dari gejala demam, batuk, selsema, sakit tekak dan lain-lain masalah pernafasan.

4.4.3 Sentiasa memakai pelitup muka.

4.4.4 Mengamalkan penjarakan sosial.

4.4.5 Tiada kontak rapat dengan pesakit Covid-19.

4.5 Satu atau dua pelawat sahaja dibenarkan mengikut kesesuaian dalam satu masa.

4.6 Had masa melawat tidak boleh melebihi 30 minit.

4.6 Pelawat mesti mematuhi peraturan di dalam wad seperti :

4.6.1 Tidak dibenarkan menyentuh peralatan pesakit lain.

4.6.2 Tidak dibenarkan berlegar-legar di kawasan wad.

4.6.3 Sentiasa mengamalkan norma baharu.

4.6.4 Sentiasa mencuci tangan dengan air / hand sanitizer sebelum dan selepas menyentuh pesakit.

4.7 Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaaan dan apa-apa jangkitan penyakit yang diperolehi semasa melawat.

5.0 POLISI PENEMAN DI HOSPITAL

5.1 Peneman perlu mengikut laluan yang ditetapkan.

5.2 Peneman pesakit perlu dimaklumkan dan mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jururawat / Jururawat yang menjaga (Team Leader) dan Pakar Perubatan yang bertugas.

5.3 Kriteria peneman:

5.3.1 Telah lengkap vaksinasi.

5.3.2 Melakukan ujian calitan (RTK atau PCR)

5.3.4 Perlu melengkapkan saringan status kesihatan. Seperti yang tertera dalam mySejahtera (COVID-19 Status) atau lain-lain. Peneman perlu mengemaskini status mySejahtera atau boring deklarasi setiap pagi dan dipantau oleh jururawat yang menjaga.

5.3.5 Sentiasa memakai pelitup muka.

5.3.6 Peneman tidak dibenarkan berinteraksi dengan orang sekeliling.

5.3.7 Sekiranya peneman mengalami gejala demam, batuk, selsema, sakit tekak dan lain-lain masalah pernafasan, maklumkan segera kepada jururawat yang menjaga. Peneman akan dirujuk kepada Pegawai Perubatan untuk rawatan lanjut.

5.3.8 Sekiranya pesakit didiagnoskan Covid-19 positif, peneman perlu dirujuk ke Unit Kesihatan Awam Hospital.

5.3.9 Peneman tidak dibenarkan keluar dari fasiliti sepanjang menemani pesakit. Sekiranya keluar dari fasiliti atau diganti penman baru, ujian RTK atau PCR perlu dilakukan.

5.4 Seorang peneman sahaja dibenarkan dalam satu masa.

5.5 Penman mesti mematuhi peraturan di dalam wad seperti:

5.5.1 Tidak dibenarkan menyentuh peralatan pesakit lain.

5.5.2 Tidak dibenarkan berlegar-legar di kawasan wad.

5.5.3 Sentiasa mengamalkan norma baharu.

5.5.4 Sentiasa cuci tangan / hand sanitizer sebelum dan selepas menyentuh pesakit.

5.5.5 Makanan hospital tidak dibekalkan kepada peneman, makanan hanya boleh dibeli melalui pesanan atau kiriman.

5.6 Keadaan semasa pesakit akan dikemaskini kepada peneman oleh Pegawai Perubatan yang menjaga.

5.7 Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan dan apa-apa jangkitan penyakit yang diperolehi semasa menunggu.

6.0 Penutup

Polisi ini adalah perlu bagi mengurangkan risiko penularan Covid-19 di hospital serta memutuskan rantaian jangkitan wabak Covid-19 secara berterusan. Adalah penting bagi kita melindungi petugas kesihatan, pesakit dan keluarga daripada dijangkiti virus Covid-19. Polisi ini akan disemak dari masa ke semasa bergantung kepada situasi Covid-19 di Negeri Selangor.